

PPSMI: MIPAS dakwa kerajaan tak ikhlas
Malaysiakini.com
November 7, 2011
by Barathidasan Saminathan

Persatuan Progresif India Malaysia (MIPAS) mencadangkan keputusan kerajaan bahawa Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) harus dihalusi supaya ia dapat dikekalkan bagi pelajar yang telah menjalani dasar pembelajarannya sewaktu ia diperkenalkan pada asasnya.

Sebelum ini Tan Sri Muhyiddin Yassin pernah berkata sistem pendidikan negara akan kucar-kacir sekiranya kerajaan memberi kebebasan kepada ibu bapa memilih bahasa pengantar untuk anak mereka dalam dua mata pelajaran itu.

Jadi pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains di sekolah rendah hanya akan dilaksanakan sepenuhnya dalam bahasa Malaysia pada 2016 manakala di sekolah menengah adalah pada 2021. Dengan keputusan itu, pemansuhan PPSMI adalah kekal.

Kerajaan akan bertegas dengan keputusan memansuhkan Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan tidak tunduk kepada tekanan dan tuntutan oleh sesetengah pihak.

Pengumuman oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Jumaat lalu telah memperjelaskan garis panduan mengenai perkara itu dan menamatkan sebarang kekeliruan.

MIPAS ingin bertanya disini bahawa pengumuman itu sekadar kerajaan membuat keputusan sambil lewa atau bersifat "flip flop" berhubung pemansuhan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)?

Berdasarkan Pilihanraya Umum ke-13 (PRU13) tidak lama lagi supaya dapat menyenangkan hati rakyat atau sebagai umpan untuk memancing undi?

Ataupun takut pada amaran daripada Persatuan Ibu Bapa Untuk Pendidikan Malaysia (PAGE) di mana pengerusinya Datin Noor Azimah Abdul Rahim mengatakan "Jangan sampai undi ini kami beri pada pembangkang (Pakatan Rakyat)"?

MIPAS berpendapat kerajaan tidak ikhlas dan menafikan bahawa kerajaan telah mendengar suara rakyat yang menjadi prinsip utama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak iaitu "rakyat didahulukan", dengan merencanakan formula 'menang-menang' untuk semua pihak berkepentingan.

Jika benar kerajaan mendengar suara rakyat apatah keputusan kepada Novel Interlok yang sepatutnya di tarik balik daripada sistem pembelajaran sekolah?

Harapan MIPAS agar kementerian pelajaran akan berusaha ke arah menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Kesusasteraan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di sekolah.

MIPAS ingin bertegas di sini agar kementerian pelajaran akan menekankan kepada penggunaan bahasa Inggeris bagi melengkapkan rakyat dengan bahasa sejagat itu selaras dengan perkembangan dunia.

Dalam pada itu MIPAS juga ingin mengetahui sama ada benar menteri dan orang kaya (VIPs) menghantar anak mereka ke sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris, manakala golongan miskin perlu pergi ke sekolah yang disediakan kerajaan, yang mengajar dalam bahasa Melayu.

MIPAS juga cadangkan agar menteri-menteri dan orang kaya (VIPs) tidak menghantar anak-anak mereka keluar negeri sehingga tamat pengajian di sekolah rendah dan sekolah menengah tempatan.

MIPAS harapkan agar Perdana Menteri Datuk, Seri Najib Razak campurtangan bagi kekalkan dan mempertimbangkan semula pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) secara pilihan di sekolah.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/180733>